

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
PEJABAT MENTERI PENDIDIKAN**

**KPM LAKSANA SEGERA PROGRAM BERSAMA SAINTIS UNTUK
TINGKATKAN MINAT MURID DALAM STEM**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyambut arahan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk menganjurkan program bersama saintis di seratus buah sekolah seluruh negara bagi meningkatkan minat murid dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

KPM bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan MOSTI telah mengorak langkah menubuhkan Jawatankuasa Khas STEM yang memberi fokus khusus kepada hala tuju STEM bermula dari peringkat sekolah sehingga ke pendidikan tinggi.

Pelbagai Inisiatif pembudayaan, aktiviti dan program pembangunan STEM sedang giat berjalan di sekolah. Ini dilaksanakan merentas kementerian dan agensi serta dengan kerjasama rakan strategik korporat dan komuniti.

Seperti yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri, sinergi antara kementerian dan semua pihak berkepentingan dipergiatkan bagi meningkatkan minat dan penyertaan murid dalam STEM.

-TAMAT-

**YB FADHLINA SIDEK
MENTERI PENDIDIKAN
18 JULAI 2024**